



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
كلية الدراسات الإسلامية
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 1 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-1-2022/>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



**PENDEKATAN *LATA'IF AL-QURA'NIYYAH* DALAM SURAH-SURAH
MADANIYYAH MELALUI KITAB TAFSIR SOFWAH AL-TAFASIR OLEH
SYEIKH 'ALI AL-SOBUNI**

Lata'if al-Qur'aniyyah's approach in Surahs Madaniyyah through the book Sofwah al-Tafasir by Sheikh 'Ali al-Sobuni

Muhammad Uzair Izhah¹ & Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi^{2*}

¹ Calon Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah), Fakulti Pengajian Islam UKM

² Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam UKM

izzar@ukm.edu.my (Corresponding author)

Abstrak

Surah-surah Madaniyyah mempunyai ayat-ayat yang lebih panjang kerana kandungannya yang memberikan penjelasan terhadap hukum-hakam secara terperinci di samping turut memberi tekanan akan aspek keimanan dan akhlak. Adapun, dalam memahami tafsiran ayat al-Quran, Tafsir *Sofwah al-Tafasir* karya Syeikh 'Ali al-Sobuni adalah salah satu karya kontemporari yang unik dengan menyetengahkan aspek *lataif* iaitu kehalusan makna secara tersusun. Kajian ini adalah bertujuan mengenalpasti tema *lataif* yang terdapat dalam surah-surah *Madaniyyah*. Reka bentuk kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap Kitab *Sofwah al-Tafasir* Cetakan ke-6 oleh *Dar al-Sobuni* menjadi metode kajian. Hasil kajian mendapati, terdapat tiga tema utama *lataif* iaitu aspek mukjizat bahasa, *tarbawiyah* dan pemantapan iman selain tema sampingan seperti hikmah hukum dan tafsiran tambahan. Tema-tema ini didatangkan dalam bentuk tafsiran kepada ayat, penyebutan riwayat hadith atau cerita. Adapun tema yang dominan disebutkan adalah *tarbawiyah* diikuti pemantapan iman dan mukjizat bahasa. Kesimpulan dari kajian ini ialah *lataif* merupakan aspek yang perlu diketengahkan dalam kalangan masyarakat kerana dilihat mampu menambah nilai terhadap penghayatan al-Quran bukan sekadar pada kefahaman ilmu berkaitan syariat yang terdapat di dalamnya tetapi juga kesedaran jiwa melalui proses pendidikan hati.

Kata Kunci: 'Ali al-Sobuni, *Lataif al-Quraniyyah*, *Sofwah al-Tafasir*, *Madaniyyah*

Abstract

Madaniyyah surahs have more verses because the surahs provided a detail explanation of the laws as well as emphasizing the aspects of faith and morality. Meanwhile, in understanding the interpretation of the verses of the Qur'an, *Sofwah al-Tafasir* by Sheikh 'Ali al-Sobuni is one of the unique contemporary exegesis that highlight the aspect of *lataif*, namely the subtlety of meaning in an organize manner. This study aims to identify the theme of *lataif* found in the *Madaniyyah* surahs. Qualitative design using a content analysis approach to the Book of *Sofwah al-Tafasir* 6th Edition by *Dar al-Sobuni* became the research method. The results of the study found that there are three main themes of *lataif*, namely the aspect of language miracles, Islamic education and strengthening of faith as well as side themes such as legal wisdom and additional interpretation. These themes come in the form of interpretations of verses, narration of hadith or stories. The dominant theme mentioned is Islamic education followed by the strengthening of faith and the miracle of language. The conclusion from this study is that the *lataif* is an aspect that needs to be highlighted in society because it is seen to be able to add value to the appreciation of the Qur'an not only on the understanding of knowledge related to the Shari'ah contained in it but also the awareness of the soul through the process of educating the heart.

Keywords: 'Ali al-Sobuni, *Lataif al-Quraniyyah*, *Sofwah al-Tafasir*, *Madaniyyah*

PENDAHULUAN

Surah-surah *Madaniyyah* berperanan memperincikan hukum-hakam dan hubungan sosial masyarakat majmuk setelah Nabi SAW dan para sahabat berhijrah dan membina sebuah negara Islam di Madinah. Oleh itu, sangat penting untuk mengkaji surah-surah ini dalam pendekatan yang pelbagai untuk melihat sisi hikmah dalam penyariatannya dan hubungan kemasyarakatan. Antara pendekatan yang unik untuk diketengahkan adalah *lataif* yang dibawa oleh Syeikh 'Ali al-Sobuni dalam *Sofwah al-Tafasir*.

Syeikh 'Ali al-Sobuni merupakan tokoh ilmunan yang banyak memberikan sumbangan terhadap dakwah melalui penyebaran ilmu al-Quran kepada masyarakat Islam di dunia. Oleh yang demikian, beliau pernah dianugerahkan oleh kerajaan Dubai dengan gelaran '*Syakhshiyyah al-'Am al-Islamiyyah*' pada tahun 2007 bersamaan 1428H (Dubai International Holy Quran Award) atas sumbangan beliau itu. Beliau juga terkenal dengan penulisan yang memudahkan bacaan kerana padat dan ringkas (The Royal Islamic Strategic Studies Centre 2021) iaitu melalui kitab *Sofwah al-Tafasir* yang merupakan sebuah kitab yang bersifat semasa dan sering digunakan sebagai silibus pembelajaran dalam pelbagai peringkat pengajian sama ada secara formal ataupun tidak formal yang menunjukkan kepentingannya (Maisarah et. al 2018). Kitab ini menampilkan aspek *lataif* yang disebut secara jelas dan konsisten selepas pentafsiran kelompok ayat yang terpilih yang tidak terdapat dalam kitab tafsir semasa yang lain. Justeru itu, penelitian terhadap pendekatan *lataif* oleh al-Sobuni wajar untuk dikaji bagi melihat tema-tema dalam Surah *Madaniyyah* dan aplikasinya dalam kerangka semasa (Nur Zakiah et. al 2019).

Limitasi dan Metodologi Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap Kitab *Sofwah al-Tafasir* Cetakan ke-6 oleh Dar al-Sobuni. Oleh kerana fokus artikel ini adalah melihat aspek *lataif*, maka teks ini dikaji mengikut kaedah persampelan bertujuan iaitu pengeluaran *lataif* yang disebutkan dalam surah *Madaniyyah*. Dari sudut pengumpulan data, pendekatan induktif digunakan untuk melihat secara menyeluruh kitab bagi mengenal pasti kedudukan *lataif* tersebut selain pendekatan deduktif untuk mengenal pasti tema-tema yang terkait dengan *lataif* yang dikeluarkan. Analisis data dengan menggunakan pendekatan deskriptif digunakan untuk menghuraikan dan menghubungkaitkan antara pendekatan *lataif* yang dikeluarkan dengan ciri-ciri surah *Madaniyyah*.

Takrif *Lata'if* dari sudut bahasa dan istilah

Lata'if adalah isyarat atau mesej yang mendalam yang sukar diungkapkan kerana terkait dengan penelitian dan penghayatan namun ia tetap dapat difahami (Al-Jurjani 1983). Ia adalah kata *jama'* bagi perkataan *latif*. Kata *muannathnya* pula adalah *latifah* dan *jama'* menjadi *latifat* (Mukhtar 2008). Kata akarnya daripada huruf *lam-ta'-fa'* yang membawa maksud kelembutan dan sesuatu yang kecil (Ibn Faris 1979).

Jika huruf *ta'* dibariskan dengan baris atas (*fathah*) yang membentuk perkataan *latafa* ia memberi makna *riq* iaitu lemah lembut atau keramahan dan *ra'fah* iaitu kasih sayang (Mukhtar 2008). Dalam penggunaan ayat untuk menunjukkan makna perbuatan berlaku lembut penuh kasih sayang maka dihubungkan dengan huruf *al-jar* iaitu *lam* atau *ba* menjadi *latafa bihi* atau *latafa lahu* (Al-Zabidi t.th.). Perkataan *latafa* juga bermaksud memuliakan atau memberikan kebaikan (Ibn Manzur t.th.) seperti membawakan hadiah kepada seseorang ketika mengunjunginya disebut dengan ayat *jaatna latafah* (Al-Razi 1999).

Jika huruf *ta'* dibariskan dengan baris depan (*dhommah*) yang membentuk perkataan *latufa*, ia membawa maksud sesuatu perkara yang kecil *saghura* atau *diqq* iaitu sesuatu yang halus dan terperinci (Al-Razi 1999; Al-Zabidi t.th.; Ibn Manzur t.th.). Selain itu, ia juga memberi makna *riqq* iaitu nipis lawan kepada *kathufa* bermakna tebal ataupun kelembutan lawan kepada *khasyuna* yakni kasar (Mukhtar 2008). Dalam pembinaan ayat disebutkan *al-hawa jism latif* yang diterjemahkan udara adalah jisim yang halus atau digunakan pada ayat *fata zat khalq latif* yang beerti remaja itu memiliki akhlak yang lemah lembut (Ibrahim Mustafa, Ahmad Ziyat, Hamid Abd Kadir t.th.).

Dalam al-Quran kalimah *latif* disebutkan sebanyak 8 kali. Sekali dengan perkataan (وليتلطف) dalam Surah al-Kahfi:19, 7 kali dengan perkataan (لطيف) yang mana 5 daripadanya digandingkan dengan perkataan (خبير) iaitu pada ayat al-An'am:103, al-Hajj:63, Luqman:16, al-Mulk:14, al-Ahzab:33. Manakala baki dua lagi disebut bersendirian iaitu dalam surah Yusuf:100 dan al-Syura:19 (Fuad Abdul Baqi 2007). Adapun dari makna sudut penggunaannya, kadang-kadang ia membawa maksud pergerakan yang ringan, atau perkara yang bersifat mendalam. *Latif* juga dimaknakan dengan sesuatu perasaan yang tidak tergambar dengan pancaindera. Maka

disebutkan *latif* ini dalam al-Quran sebagai salah satu nama Allah SWT kerana Dia mengetahui sesuatu itu dengan mendalam dan sifat lemah lembut Allah kepada hamba-Nya (Al-Asfahani 1991). Selain itu, ia juga membawa maksud pemberian kelebihan dan kebaikan, dan tidak ada sesuatu pun yang tidak diketahui oleh-Nya di samping zat Allah SWT yang tidak tergambarkan (Audah 2014).

Berdasarkan sorotan daripada kitab-kitab di atas, dapat disimpulkan bahawa perkataan *lataif* dan pecahan kata dasarnya itu membawa maksud yang pelbagai mengikut kepada konteks ayat yang digunakan. Jika dirujuk *latif* itu dari segi bahasa maka ia boleh membawa maksud yang mendalam atau kefasihan bahasa. Dari sudut sifat, maka *latif* itu merujuk kepada sifat lemah lembut atau memuliakan sesuatu.

Manakala dari sudut istilah *lataif* ini tidak didefinisikan oleh mana-mana para ulama' secara khusus. Hal ini kerana ulama' terdahulu dilihat menumpukan *lataif* ini dari aspek praktikal berbanding teoritikal. Namun begitu, melalui definisi secara bahasa dapat disimpulkan bahawa istilah *lataif* ini merujuk kepada kemanusiaan dan komunikasi. Al-Quran sebagai 'komunikasi' Allah SWT dengan hamba-Nya manakala sifat al-Quran sebagai mukjizat pasti memberi kesan terhadap jiwa dan emosi kemanusiaan (Ahmad Fakhurrrazi 2017).

Definisi Surah-Surah *Madaniyyah* dan Ciri-cirinya

Surah *Madaniyyah* mempunyai beberapa takrifan oleh para sarjana Ulum al-Quran. Surah *Madaniyyah* adalah surah-surah yang diturunkan di Madinah atau mengikut pembicaraan yang ditujukan kepada masyarakat yang tinggal di Madinah (Al-Zarkasyi 1957; As-Suyuthi 2008). Namun takrifan-takrifan ini mempunyai kekurangan kerana ada sebahagian ayat yang tidak diturunkan di Madinah bahkan ada yang turun di Makkah selepas hijrah dan ada pula ayat yang disebutkan secara umum tanpa menyatakan watak pembicaraannya (al-Qattan 2000). Justeru, takrifan yang terpilih untuk menggambarkan *Madaniyyah* adalah surah-surah yang diturunkan selepas Hijrah walaupun di Makkah (Al-Zarkasyi 1957; As-Suyuthi 2008; al-Qattan 2000).

Ibn Al-Durais membahagikan surah *Makkiyyah* kepada 86 Surah, manakala surah *Madaniyyah* sebanyak 28 Surah (As-Suyuthi 2008) tanpa menyebutkan *khilaf* terhadap status beberapa surah seperti yang disebutkan oleh sebahagian *mufassirin*. Surah-Surah *Madaniyyah* tersebut adalah al-Baqarah, Ali Imran, An-Nisa', al-Maidah, al-Anfal, al-Taubah, al-Ra'd, al-Hajj, al-Nur, al-Ahzab, Muhammad, al-Fath, al-Hujurat, al-Rahman, al-Hadid, al-Mujadalah, al-Hasyr, al-Mumtahana, al-Saf, al-Jumuah, al-Munafiqun, al-Taghabun, al-Talaaq, al-Tahrim, al-Insan, al-Bayyinah, al-Zalzalah dan al-Nasr. Manakala selain daripada surah-surah ini adalah surah-surah *Makkiyyah*. Pembahagian ini diikuti oleh *Syeikh al-Sobuni* dalam tafsirnya (Muhammad 'Ali Al-Sobuni 2017).

Surah *Madaniyyah* pada asalnya hanya diketahui oleh para sahabat kerana mereka melihat proses turunnya wahyu dan disampaikan kepada generasi seterusnya iaitu melalui proses *sima' i naqli*. Namun terdapat kaedah *qiyasi ijthadi* dalam penentuan tema dan ciri-ciri khususnya. Antara ciri-ciri khususnya adalah surah-surah yang berisi kewajipan atau ancaman hukum. Selain itu, ciri *Madaniyyah* juga adalah surah yang menyebutkan tentang orang munafik dan dialog dengan ahli kitab (As-Suyuthi 2008; Manna' Khalil al-Qattan 2000). Berdasarkan takrifan, klasifikasi serta tema yang disebutkan, artikel ini akan memfokuskan kepada penyebutan *lataif* dalam surah-surah *Madaniyyah* untuk menghubungkan pendekatan *lataif* yang dikeluarkan dengan tema-tema utamanya.

Latar belakang *Syeikh al-Sobuni* dan Pengenalan kepada *Sofwah al-Tafasir*

Nama beliau ialah *Muhammad bin 'Ali bin Jamil al-Sobuni*. Dilahirkan pada tahun 1930M di Kota al-Syahba', Halab, Syria dalam keluarga yang mementingkan ilmu (Ahli Hadith t.th.). Beliau menamatkan ijazah pertamanya di Universiti al-Azhar dalam bidang Syariah pada tahun 1952. Kemudian beliau menyambung pelajaran dalam Ijazah Pengkhususan Kehakiman Syarie dan berjaya lulus dengan cemerlang. Ijazah tersebut merupakan sijil akademik yang tertinggi pada waktu tersebut (Iyazi 1966). Beliau pernah berkhidmat sebagai guru dari tahun 1955 hingga 1963. Kemudian beliau dilantik sebagai pensyarah di Kuliah Syariah dan Dirasat Islamiyah di Makkah oleh Kerajaan Arab Saudi bermula tahun 1963 selama hampir 30 tahun. Seterusnya, beliau dilantik sebagai pengkaji dan penasihat dalam bidang al-Quran oleh *Markaz Bahs al-Ilmi wa Ihya' al-Turath al-Islami*. Beliau wafat pada hari Jumaat tanggal 19 Mac 2021 di Yelova, Turki (Rabitah Ulama' Suriyyin Adnan Katibi 2021).

Kitab *Sofwah al-Tafasir* adalah kitab yang ditulis selepas kitabnya yang paling terkenal iaitu Tafsir Ayat Ahkam. Selama lebih kurang lima tahun beliau mengambil masa untuk menyiapkan buku ini iaitu pada tahun 1398H (Al-Sobuni 2017). Kitab ini menggunakan kaedah penulisan yang menggabungkan dua

pendekatan tafsir iaitu *bi al-Ma'thur* dan *bi al-Ra'yi*. Dalam pendekatan *bi al-ma'thur*, beliau cuba untuk mendatangkan riwayat-riwayat yang berkaitan tafsiran ayat baik riwayat itu *marfu'*, *mauquf* atau *maqtu'*. Manakala pendekatan *bi al-ra'yi* terzahir apabila beliau cuba untuk membawakan *taujihat*, *ijtihad* dan *tarjih* daripada kalangan *mufassir* yang lain. Dari sudut huraian, huraianya ringkas tetapi padat di samping usaha menengahkan ilmu-ilmu al-Quran seperti *Makkiyah* dan *Madaniyah*, *Nasakh Mansukh*, *Ilmu Qiraat* dan lain-lain (Iyazi 1966).

Syeikh 'Ali al-Sobuni menyusun kitabnya dengan persembahan yang unik dan tersusun. Beliau mengemukakan kaedah pecahan bab dalam pentafsiran. Beliau membahagikan satu-satu ayat kepada bahagian kecil yang mana kebiasaan pembahagian itu adalah pada *waqaf tam* iaitu *waqaf* yang sempurna pada perkaitan antara ayat. Lebih menarik, *al-Sobuni* mempamerkan tujuh *uslub* yang digunakan oleh beliau pada hampir setiap kelompok ayat tafsirannya seperti yang disebut dalam *muqaddimah*nya. Tujuh *uslub* itu adalah *muqaddimah* surah, munasabah antara ayat, bahasa, *asbab al-nuzul*, tafsir ayat, *balaghah* dan *fawaid* atau *lata'if* atau *tanbih* (Al-Sobuni 2017).

Lataif al-Quraniyyah pada ayat-ayat Madaniyyah dalam Sofwah al-Tafasir

Ilmu *Makkiyah* dan *Madaniyyah* sememangnya dititikberatkan oleh *al-Sobuni* dalam tafsir beliau. Buktinya setiap kali sebelum masuk kepada pentafsiran sesuatu surah akan disebutkan pengenalan surah tersebut dan perkara pertama yang akan disebutkan dalam pengenalan itu adalah sama ada surah itu *Makkiyah* atau *Madaniyyah* (Al-Sobuni 2017).

Dalam *Sofwah al-Tafasir*, jumlah keseluruhan *lata'if* dengan lafaz *latifah* yang dikeluarkan adalah sebanyak 65 kali. Dari jumlah itu, 25 kali daripadanya adalah dalam surah-surah *Madaniyyah* iaitu 12 daripada 28 surah dan baki penyebutan adalah dalam surah-surah *Makkiyah*. Jadual di bawah menunjukkan pecahan kalimah *lataif* tersebut.

Jadual 1: Taburan Kalimah *al-Lataif*

Surah	Jilid Buku	Muka Surat	Jumlah
Al-Baqarah, Ali-Imran, al-Anfal, al-Taubah	1	33, 132,176,188, 206, 469,490,494,500,505,511, 517,523	13
Al-Ra'd, an-Nur, al-Ahzab	2	81,303,310,316,322,475, 497,	7
Al-Hujurat, al-Mujadilah, al-Hasyr, al-Jumuah, al-Munafiqun	3	222, 326, 338,360,366	5
Keseluruhan			25

Lata'if yang difokuskan dalam kajian ini adalah *lataif* berdasarkan pembahagian surah-surah *Madaniyyah* oleh *al-Sobuni* dalam *Sofwah al-Tafasir*. Hal ini disebabkan, terdapat surah yang mengandungi perkataan *latifah* disebutkan sebagai *Makkiyyah* oleh jumhur ulama' tafsir seperti surah al-Ra'd (Al-Suyuthi 2008) tetapi *al-Sobuni* menyebutkannya sebagai *Madaniyyah* maka termasuk dalam kajian ini. Malah ada surah yang disebutkan sebagai *Madaniyyah* menurut pandangan terpilih iaitu surah al-Takathur (As-Suyuthi 2008), tetapi *al-Sobuni* menyebutkannya *Makkiyah* mengikut pendapat yang masyhur dan mengeluarkan *latifah* daripadanya maka terkeluar dari fokus artikel ini (Al-Sobuni 2017).

1. Pecahan Tema *Lata'if* Ayat-Ayat *Madaniyyah* dalam *Sofwah al-Tafasir*

Lataif dalam kitab ini apabila dilihat dari sudut tema-temanya dalam surah *Madaniyyah*, terdapat tiga tema utama dan satu lain-lain tema yang dikemukakan oleh *Syeikh al-Sobuni* dari jumlah keseluruhan 25 kali *lataif* itu dikeluarkan. Manakala dari sudut penyebutan *lataif* itu, ia didatangkan dalam pelbagai bentuk sama ada tafsiran kepada ayat al-Quran, riwayat hadith, serta cerita. Berikut merupakan tema-tema *lataif* yang dapat dikenalpasti dalam jadual 2 beserta contoh-contohnya dalam penghuraian.

Jadual 2: Taburan Kalimah *al-Lataif*

Tema	Jilid Buku / Muka Surat	Jumlah
<i>Tarbawiyah</i>	1(176,228,,494,500,505,511, 517,523) 2(310,322,497) 3(222,326,338)	13
Pemantapan Iman	1(188,469,490,) 2(316,475)	5
Mukjizat Bahasa	1(33,206) 2(303), 3(360)	5
Lain-lain	2(14), 3(366)	2
Keseluruhan		25

Tarbawiyah

Tarbawiyah yang dimaksudkan adalah pengajaran daripada ayat-ayat al-Quran yang dikeluarkan oleh *Syeikh al-Sobuni* yang bersifat mendidik untuk membentuk keperibadian mulia dan berakhlak melalui prinsip-prinsip Islam. Selain itu, isyarat ini juga terkait dengan keutamaan berjihad dan menekankan tentang kepentingan ilmu. Tema ini merupakan tema yang terbanyak dikeluarkan syeikh iaitu sebanyak 13 kali.

a) *Tarbawiyah* tentang kepentingan ilmu

Al-Sobuni mengeluarkan satu *latifah* daripada ayat 18 Surah Ali Imran tentang kelebihan ilmu untuk mengenal Allah SWT dengan mendatangkan sebuah syair yang menunjukkan kelebihan ilmu yang menjadi ‘tuan’ kepada akal manusia. Oleh itu, dalam ayat ini, Allah memberi pengiktirafan kepada orang berilmu bahawa mereka ini memberi penyaksian bahawa tiada tuhan selain Allah SWT (*Al-Sobuni* 2017, 1: 176).

Dalam Surah al-Taubah ayat 97 *al-Sobuni* mengeluarkan *latifah* berbentuk kisah yang menggambarkan keutamaan ilmu hukum-hakam agar manusia tidak bersangka buruk pada yang lain. *Al-A'masy* ada meriwayatkan bahawa seorang lelaki Arab duduk dalam majlis Zaid bin Sa'han ketika beliau sedang membacakan hadith kepada sahabat-sahabatnya. Zaid pada ketika itu telah kudung tangan disebabkan peperangan Nahwan. Kata Arab itu: “Hadith yang engkau bacakan mengagumkan aku, tetapi tanganmu itu membuatkan aku keliru!” Kata Zaid: “Apa yang mengelirukan engkau, ia adalah tangan kiri ku.” Kata Arab tersebut: “Aku tidak pasti yang terpotong ini sama ada kiri atau kanan.” Maka kata Zaid benarlah ayat ini apabila Allah mengatakan bahawa orang Arab ini jahil akan hukum-hakam Allah SWT kerana beranggapan tangan yang terpotong itu disebabkan mencuri (*Al-Sobuni* 2017, 1: 523).

Dalam surah al-Mujadilah pada ayat 11 yang membicarakan orang berilmu diangkat darjatnya, *al-Sobuni* mengeluarkan *latifah* daripada riwayat Imam Ahmad. Daripada Abi Tufail bahawa Nafi' bin Abdul Harith bertemu dengan Umar bin al-Khattab di 'Asfan. Umar r.a pernah melantik beliau untuk menjaga Makkah. Kata Umar r.a: “Sesiapa yang engkau lantik untuk menjaga ahli lembah ini ('Asfan)?” Jawab Nafi': “Aku melantik Ibn Abza”. Tanya Umar: “Siapakah dia?” Jawab Nafi': “Seseorang lelaki daripada penolong kami.” Tanya Umar: “Mengapa dia?”. Jawab Nafi': “Wahai Amir al-Mukminin: Dia adalah seorang yang mahir bacaannya terhadap kitab Allah, luas pengetahuan dalam Ilmu Faraid, seorang hakim.” Kata Umar r.a.: “Sesungguhnya Nabi SAW pernah menyebutkan dengan sabda Baginda : “Allah akan mengangkat sesuatu kaum dengan al-Quran dan membiarkan sebahagian kaum kerananya.” (*Al-Sobuni* 2017, 3: 326)

b) *Tarbawiyah* dari sudut menjaga hubungan baik sesama manusia

Latifah surah al-Baqarah: 228, *al-Sobuni* memetik satu *athar* berkait hubungan suami isteri daripada Ibn Abbas yang menyebutkan bahawa beliau suka untuk berhias untuk isterinya sebagaimana beliau suka isterinya berhias untuk dirinya kerana Allah SWT berfirman (*Al-Sobuni* 2017):

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْنَ بِالْمَعْرُوفِ

Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya

Al-Sobuni turut mengeluarkan *latifah* dari ayat 23 al-Taubah berkaitan orang yang patut dijadikan ikutan adalah yang baik agamanya. Dipetik daripada al-Qurtubi bahawa ayat Allah SWT di bawah ini menunjukkan bahawa orang yang boleh didampingi dan dijadikan ikutan adalah kerana agamanya bukan kerana keturunan *Al-Sobuni* 2017, 1: 494).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا آبَاءَكُمْ وَإِخْوَانَكُمْ أَوْلِيَاءَ إِنِ اسْتَحَبُّوا الْكُفْرَ عَلَى الْإِيمَانِ

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan bapa-bapa kamu dan saudara-saudara kamu sebagai orang-orang yang didampingi jika mereka memilih kufur dengan meninggalkan iman.

Latifah kelompok ayat 53-64 Surah al-Nur mengingatkan supaya berhati-hati memilih rakan kerana di Akhirat manusia lebih mengharapkan pertolongan rakan berbanding keluarga. Ditanyakan kepada seorang salaf siapakah yang lebih dicintai oleh kamu saudaramu atau rakanmu? Jawabnya: “Aku tidak menyukai saudaraku jika ia tidak menjadi rakanku.” Kata Ibn Abbas: “Rakan itu lebih terasa dekat berbanding saudara seperti ahli *Jahannam* yang memohon pertolongan seperti dalam firman-Nya:

فَمَا لَنَا مِن شُفْعِينَ (100) وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ (101) [الشعراء: 100-101]

"Dengan sebab itu, tiadalah kami beroleh sesiapaupun yang memberi pertolongan. Dan tiadalah juga sahabat karib yang bertimbang rasa."

Dalam ayat ini disebutkan mereka lebih mengharapkan pertolongan daripada rakan mereka berbanding ibubapa mereka (Al-Sobuni 2017,2: 322).

Di tempat yang lain, *latifah* berbentuk hadith dikeluarkan tentang kelebihan memuliakan tetamu (Al-Sobuni 2017, 3: 338). Dari Abu Hurairah r.a. katanya: "Seorang lelaki datang kepada Rasulullah saw lalu dia berkata, "Aku dalam kesulitan susah hidup dan lapar." Maka Baginda membawa pulang lelaki itu ke rumah isteri beliau satu persatu menanyakan kalau-kalau mereka ada sediakan makanan. Para isteri beliau menjawab. "Demi Allah yang mengutus Anda dengan yang hak, aku tidak sedia apa-apa selain air. Begitulah jawapan mereka masing-masing. Lalu bersabda beliau kepada para sahabat. "Siapa bersedia menerima tetamu malam ini nescaya diberi rahmat oleh Allah Ta'ala." Maka berdirilah seorang lelaki Ansar (dikatakan Abu Talhah) seraya berkata, "Aku, ya Rasulullah!" Maka dibawanyalah orang itu ke rumahnya. Dia bertanya kepada isterinya, "Adakah engkau sedia makanan, ini adalah tetamu Rasulullah?" Jawab isterinya, "Tidak ada, kecuali makanan anak-anak." Katanya, "Pujuklah mereka dengan apa saja. Bila tetamu kita dah masuk tunjukkan kepadanya bahawa kita makan bersamanya. Bila dia telah mulai makan, berdirilah ke dekat lampu lalu padamkan. Maka duduklah mereka dan sang tetamu pun makanlah. Setelah Subuh, sahabat tersebut bertemu dengan Nabi saw lalu kata beliau, "Allah kagum dengan cara kamu berdua melayani tetamu kalian malam tadi." Maka Allah menurunkan ayat ini (*Muttafaq 'alaih*).

c) *Tarbawiyah* berkaitan akhlak mahmudah dan peribadi mulia

Al-Sobuni memetik daripada Imam al-Razi tentang *latifah* perbandingan sifat mukmin dan munafik pada ayat 71 al-Taubah. Berkata Imam al-Razi: “Apabila Allah SWT menyebutkan sifat orang mukmin yang saling membantu antara satu sama lain, Dia menyebutkan lima sifat yang membezakan orang beriman dan munafik. Orang Munafik mengajak kepada mungkar, melarang daripada melakukan kebaikan, tidak melakukan solat kecuali dalam keadaan malas, bakhil dalam mengeluarkan zakat dan perkara wajib yang lain serta apabila diminta bersegera menyahut panggilan jihad maka mereka melambat-lambatkannya bahkan mengajak orang lain melakukan hal yang serupa. Sedangkan orang beriman sifatnya berlawanan dengan semua sifat ini. Perbandingan ini disebut sebagai ‘*muqabalah*’ seperti perbandingan antara neraka dan syurga (Al-Sobuni 2017, 1: 511).

Latifah yang dikeluarkan dari kelompok ayat surah al-Nur:21-34 untuk menyarankan sikap berhati-hati dengan menyelidiki berita setelah penyebutan tentang peristiwa tuduhan yang berlaku kepada Aisyah r.a. Disebutkan bahawa ada pendeta Nasrani ingin untuk menyakiti orang Islam dengan tohmahan terhadap Saidatina ‘Aisyah r.a. Dia berkata: “Sesungguhnya manusia melemparkan kepadanya (‘Aisyah r.a) tuduhan dan kita tidak mengetahui bahawa adakah benar tuduhan atau dia telah terlepas dari tuduhan tersebut.” Maka jawab orang ramai: “Dengar sini! Ada dua orang wanita yang dituduh berzina dan Allah telah mensucikan kedua-duanya dalam al-Quran. Salah seorangnya tidak mempunyai suami tetapi dia mempunyai anak (Maryam), dan seorang lagi mempunyai suami namun tidak mempunyai anak. Justeru, jika mahu dilemparkan tohmahan kepada siapa lebih layak?” Maka terdiam pendeta tersebut (Al-Sobuni 2017, 2: 310).

Latifah yang dikeluarkan dari surah al-Hujurat: 9-12 berbentuk saranan agar menjaga lisan terhadap para sahabat walaupun setelah peristiwa peperangan antara mereka. Ditanyakan kepada sebahagian ulama’ tentang peristiwa peperangan antara para sahabat maka mereka menyebutkan: “Darah itu telah Allah zahirkan ianya mengalir pada tangan kita maka kita tidak akan menyebutkan apa-apa pada lisan kita. Ketahuilah apa yang berlaku di antara mereka itu adalah seperti yang berlaku antara Yusuf dan saudaranya (Al-Sobuni 2017, 3: 222).”

Satu *latifah* yang dikeluarkan pada ayat 80 Surah al-Taubah. Ayat ini melarang Nabi SAW memohon ampun kepada orang munafik. Telah masyhur bahawa Huzaifah bin al-Yaman r.a merupakan penyimpan rahsia Rasulullah SAW. Baginda pernah berkata kepada Huzaifah: “Aku memberitahu kepadamu rahsia dan jangan menyebutkannya kepada orang lain. Aku dilarang untuk solat kepada fulan bin fulan yakni disebutkan beberapa nama orang munafik.” Justeru, Umar r.a pernah mendatangi Huzaifah dan bertanya adakah beliau termasuk dalam kalangan munafik. Hal ini menunjukkan sikap berhati-hati para sahabat tidak berasa selesa dengan amalan yang telah dikerjakan (Al-Sobuni 2017, 1: 517).

d) *Tarbawiyah* berkaitan keutamaan berjihad di jalan Allah

Latifah ayat 41 al-Taubah. Daripada Hayyan bin Zayd berkata: “Aku bersiap untuk berperang bersama Safwan bin ‘Amru, kemudian kami terlihat seorang yang sangat tua daripada Damsyik juga turut hadir, maka aku mendekatinya lalu berkata padanya: Wahai pakcik, sesungguhnya Allah telah memberikan keuzuran kepadamu.” Jawab pakcik tersebut: “Wahai anak, Allah SWT menyebutkan bersiap siagalah berjihad dalam keadaan senang atau sukar, dan sesungguhnya ketika Dia mencintai seseorang maka akan diberikannya ujian, dan ujian tidak diberikan melainkan kepada hamba-Nya yang bersyukur, bersabar, berzikir dan tidak menyembah selain Allah.” Kata Hayyan: “Moga Allah rahmatnya seorang yang mempunyai jiwa yang bersih yang ‘menjual’ ruhnya demi keredaan Allah SWT (Al-Sobuni 2017, 1: 500).

Latifah ayat 45 al-Taubah. Kata al-Zamakhshari berkait akhir ayat ini apabila Allah berfirman:

وَقِيلَ أَفَعُدُّوا مَعَ الْفَاعِدِينَ

“Dan dikatakan: "Tinggalah kamu bersama-sama orang-orang yang tinggal".

Ia menunjukkan kepada penghinaan dan kelemahan kerana mereka yang tidak turut serta dalam peperangan itu diperintahkan untuk duduk bersama orang yang tidak perlu turut serta dari kalangan wanita, kanak-kanak. Hal ini disebabkan mereka lebih senang dengan hal yang demikian berbanding bersama dalam peperangan yang memaparkan sikap keberanian dan kekuatan (Al-Sobuni 2017, 1: 46).

Sebagaimana yang dinyatakan, tema *tarbawiyah* merupakan tema *lataif* yang paling banyak dikeluarkan oleh *Syeikh al-Sobuni*. Ia bersesuaian dengan sifat penurunan al-Quran itu sendiri yang diturunkan secara berperingkat kepada Rasulullah SAW untuk mendidik para sahabat melalui peristiwa-peristiwa yang terjadi di sekeliling mereka (Al-Sobuni 2008; al-Qattan 2000). Meskipun surah *Madaniyyah* bertemakan penekanan terhadap hukum, tetapi tidak sekadar aspek perlaksanaan sahaja perlu dititikberatkan malah aspek penghayatan terhadap syariat juga penting untuk diberi penekanan supaya dapat memahami hikmah bagi hukum yang dipertanggungjawabkan. Justeru, pembawaan *lataif* amat signifikan untuk diteliti dan dirungkaikan supaya dapat dikeluarkan lebih banyak lagi faedah-faedah berbentuk *tarbawiyah*.

e) Pemantapan Iman

Pemantapan iman yang dimaksudkan adalah sentuhan ayat-ayat al-Quran dan pengajarannya yang akan menundukkan jiwa pembacanya lantas memperteguhkan keimanannya kepada Allah SWT dan rukun-rukun iman yang lain. Tema ini menempati tempat kedua selepas tema sebelumnya iaitu sebanyak 5 kali.

f) Pemantapan iman kepada sifat Allah

Al-Sobuni memetik daripada tafsir *Bahr Muhit*, satu *latifah* berkait ayat 54 Surah Ali Imran, disebutkan tentang persoalan yang ditanyakan kepada al-Junaid oleh seorang lelaki yang menggambarkan sifat kesempurnaan Allah SWT. Lelaki itu bertanya: “Bagaimana Allah SWT reda ke atas dirinya tipu daya (مَكْرٌ) sedangkan Allah tidak menyukai perbuatan tipu daya?” Jawab al-Junaid: “Aku tidak tahu apa yang kau ucapkan. Tetapi aku mendengar seorang menyanyikan satu syair yang memberi makna tipu daya Allah itu dalam konteks kebaikan untuk mengangkat agamanya dan membinasakan siapa yang menentanginya, sedang tipu daya manusia lazimnya berbentuk keburukan untuk memusnahkan agama (Al-Sobuni 2017, 1: 188).

g) Pemantapan iman kepada keagungan al-Quran

Latifah yang dikeluarkan pada ayat 3 Surah al-Taubah berkaitan kemustahilan al-Quran daripada mengandungi kesilapan. *Al-Sobuni* memetik dari *al-Qurtubi* yang menyebutkan bahawa seorang Arab datang ke Madinah dan berkata: “Siapa yang boleh membacakan kepadaku tentang apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW?” Maka telah baca seorang lelaki kepada Arab tadi surah al-Taubah hingga kepada ayat seperti di bawah ini:

أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ

Bahawa sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik.

Namun lelaki yang membaca tadi telah menyebutkan perkataan 'وَرَسُولُهُ' dengan baris bawah lalu bertukar makna seolah-olah Allah berlepas diri dari orang musyrik dan rasul-Nya!" Lalu kata Arab tadi: "Aku juga berlepas diri daripada Rasul-Nya." Maka apabila peristiwa itu tersebar dan sampai kepada pengetahuan Saidina Umar r.a maka beliau memanggil lelaki Arab tadi dan bertanya adakah dia mengatakan hal yang demikian. Maka dia mengakuinya oleh kerana begitulah yang didengarinya. Maka Umar r.a membetulkan bacaan seperti asal dengan baris depan (*dommah*) lalu lelaki Arab tadi membetulkan semula ucapannya. Peristiwa ini menyebabkan Umar r.a tidak membenarkan seseorang membaca kepada orang lain melainkan mengetahui dari sudut bahasa Arab kerana dibimbangi hal yang sama berulang (Al-Sobuni 2017, 1: 490).

Dalam ayat yang lain dikeluarkan *latifah* tentang kemukjizatan dari sudut sains dalam al-Quran. *Al-Sobuni* menyebutkan bahawa terdapat ahli Sains yang bukan Islam mendengar firman Allah SWT:

أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ سَحَابٌ ظُلُمَاتٌ بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَدَهُ لَمْ يَكِدْ يَرِنَهَا وَمَنْ لَمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ مِن نُّورٍ

Atau (orang-orang kafir itu keadaannya) adalah umpama keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; di sebelah atasnya pula awan tebal (demikianlah keadaannya) gelap-gelita berlapis-lapis, apabila orang itu mengeluarkan tangannya, dia tidak dapat melihatnya sama sekali dan (ingatlah) sesiapa yang tidak dijadikan Allah menurut undang-undang peraturannya mendapat cahaya (hidayat petunjuk) maka dia tidak akan beroleh sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar).

Ayat 40 Surah al-Nur ini membuatkan mereka teruja, lalu bertanya adakah Muhammad pernah menaiki kapal di lautan? Maka dikatakan kepada mereka bahawa Nabi SAW tidak pernah melakukannya walaupun sekali. Maka Ahli Sains tadi mengucapkan bahawa aku memperakui bahawa dia adalah Rasul Allah. Ditanyakan kepada mereka bagaimana kamu mengetahuinya? Ahli Sains menjawab: "Untuk menyifatkan keadaan lautan seperti dalam ayat ini tidak dapat disebutkan melainkan orang yang hidup di tengah lautan dalam satu tempoh yang lama maka dia melihat keadaan dan bahaya darinya. Justeru apabila disebutkan bahawa Baginda tidak pernah turun ke lautan maka diketahuilah bahawa ini adalah Kalam Allah (Al-Sobuni 2017, 2: 316)."

h) Pemantapan iman terhadap Nabi SAW dan saranan mencontohi Baginda

Dalam surah al-Ahzab ayat 1, *latifah* berbentuk persoalan diajukan iaitu apakah faedah suruhan Allah SWT kepada Nabi SAW untuk bertakwa sedangkan Baginda adalah penghulu orang bertakwa? Maka jawabnya adalah arahan bertakwa tersebut supaya Baginda tetap teguh dan berterusan dalam ketakwaan. Hal ini seperti firman-Nya [136: النساء؛] يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا آمِنُوا؛ yang menunjukkan arahan teguhlah dalam keimanan. Boleh juga ia merujuk kepada arahan kepada Nabi SAW tetapi yang dimaksudkan adalah umat Baginda supaya dapat mencontohinya (Al-Sobuni 2017, 2: 475).

Contoh yang lain *latifah* berkaitan keimanan kepada Baginda dan risalahnya ialah suatu perkara yang mesti diikuti setelah terlihat kebenarannya seperti yang diriwayatkan daripada Muawiyah r.a bahawa ia berkata kepada lelaki daripada negeri Saba: "Kenapa kaummu begitu jahil kerana memilih raja dari kalangan wanita." Maka kata lelaki tersebut: "Sesungguhnya kaummu lebih jahil apabila berkata kepada Rasulullah SAW ketika Baginda menyeru mereka kepada yang hak seperti firman-Nya:

وَإِذْ قَالُوا اللَّهُمَّ إِن كَانَ هَذَا هُوَ الْحَقُّ مِنْ عِنْدِكَ فَأَمْطِرْ عَلَيْنَا حِجَارَةً مِّنَ السَّمَاءِ أَوْ ائْتِنَا بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Dan (ingatlah) ketika mereka (kaum musyrik Makkah) berkata: "Wahai Tuhan kami! Jika betul (Al-Quran) itu ialah yang benar dari sisimu, maka hujanilah kami dengan batu dari langit, atau datangkanlah kepada kami azab seksa yang tidak terperi sakitnya" (al-Anfal: 32).

Kaummu tidak mengatakan jika ini adalah hak maka berikanlah kami hidayah yang menunjukkan kejahilan mereka. Maka terdiam Muawiyah r.a (Al-Sobuni 2017, 1: 469).

Tema pemantapan iman meskipun tidak banyak disebutkan dalam surah-surah *Madaniyyah*, tetap tidak dapat dinafikan bahawa ia juga satu perkara yang amat penting bahkan menjadi *maqasid* utama penurunan al-Quran dengan menjadi asas kepada pembentukan dan pendidikan ummah. Keimanan merangkumi perkara-

perkara pokok akidah seperti meyakini keesaan Allah, kenabian dan risalah serta kebenaran hari Akhirat dan pembalasan (Al-Qardawi 2000). Oleh yang demikian, walaupun surah *Madaniyyah* banyak membicarakan aspek pensyariat, soal keimanan tidak ditinggalkan. Justeru, *lataif* dalam tema ini perlu diketengahkan untuk membina akar keyakinan terhadap al-Quran dan kenabian supaya lebih mudah untuk menerima tanggungjawab melaksanakan syariat.

i) Mukjizat Bahasa

Mukjizat bahasa bermaksud penekanan tentang bahasa yang terkait dengan ilmu tatabahasa atau ilmu *balaghah*. Tema ini disebutkan sebanyak 5 kali.

j) Aspek pemilihan perkataan

Memetik kata-kata Ibn Qayyim, *Al-Sobuni* mengeluarkan *latifah* pada ayat 17 Surah al-Baqarah, menunjukkan ketelitian al-Quran pada ayat ini. Allah SWT menyebutkan ‘ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ’ yang bermaksud Allah menghilangkan cahaya bagi mereka namun Allah tidak menyebutkan ‘ذَهَبَ اللَّهُ بِنَارِهِمْ’ iaitu menghilangkan api mereka kerana disebutkan dipermulaan ayat tentang nyalaan api ‘استوقد ناراً’. Hal ini disebabkan api mempunyai dua fungsi iaitu menerangi dan memanaskan. Apabila mereka meninggalkan cahaya daripada api berkenaan yakni hidayah, maka dihilangkan cahaya tersebut dan yang tinggal hanyalah api yang akan menjadi bentuk seksaan mereka kelak.

Allah SWT juga menyebutkan menghilangkan cahaya dengan perkataan ‘بِنُورِهِمْ’ tidak perkataan ‘بِضَوْئِهِمْ’ yang juga bermaksud cahaya. Hal ini disebabkan beza antara kedua-duanya ialah ‘ضوء’ adalah cahaya yang berlebihan yakni lebih terang dari ‘نور’ supaya mereka tidak menyangka yang hilang itu hanyalah cahaya tambahan bukan asal cahaya. Ia bermaksud mereka berada dalam keadaan gelap yang tiada langsung cahaya.

Tambahan lagi, Allah SWT menyebutkan perkataan cahaya ‘نور’ dalam ayat bermaksud tunggal walhal menyebutkan kemudiannya mereka ditinggalkan dalam kegelapan ‘وَتَرَكْتُهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ’ yang disebutkan dengan kata jamak. Hal ini disebabkan cahaya kebenaran itu satu iaitulah jalan yang lurus sedangkan jalan kegelapan itu banyak (Al-Sobuni 2017, 1:33).

Pada Surah Ali-Imran:17, Allah SWT menggunakan perkataan ‘مَسَّ’ yang bermaksud sentuhan dalam ayat ini apabila merujuk kepada kebaikan yang diperoleh orang beriman manakala pada perkara keburukan digunakan ‘إصَابَةٌ’ yang bermaksud ditimpa. Hal ini disebabkan, jika orang beriman beroleh kebaikan walaupun sekecil-kecil kebaikan ibarat sentuhan sahaja maka ia menyebabkan musuh-musuh tidak senang hati, walhal ketika orang beriman ditimpa sebesar-besar ujian maka mereka seolah-olah tidak pedulikan bahkan bergembira atas hal tersebut. *Latifah* ini dipetik dari *hasiyah al-Kashaf* (Al-Sobuni 2017, 1: 206).

Latifah berbentuk persoalan pada surah al-Nur:10, iaitu mengapa Allah SWT mengubah daripada perkataan {تَوَابٌ رَّحِيمٌ} kepada {تَوَابٌ حَكِيمٌ} sedangkan sifat rahmat bersesuaian dengan taubat? Jawapannya adalah berkenaan dengan pensyariat Li'an (tuduhan suami terhadap isteri melakukan zina). Jika tiada Li'an maka suami diwajibkan had *qazaf*, namun jika cukup sekadar Li'an di pihak suami, maka isteri pula akan dikenakan had zina. Justeru, untuk mengimbangi kedua-duanya disyariatkan Li'an bagi suami dan isteri untuk tidak dikenakan hukuman bagi kedua-duanya dengan penyaksian ini. Maka *latifah* ini dengan nyata menunjukkan luas rahmat Allah dan bijaksana hukumannya (Al-Sobuni 2017, 2: 303).

Pada Surah al-Jumaah:9, Allah SWT menyebutkan perkataan bersegera dalam ayat ini {فَاسْعُوا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ} mempunyai makna yang halus iaitu seharusnya seorang muslim itu mendirikan solat Jumaat dengan kesungguhan dan *himmah* yang tinggi, persediaan dan tanpa bermalasan kerana lafaz ‘سعي’ memberi faedah kesungguhan dan keazaman. Justeru, Hasan al-Basri menyebutkan bahawa ia bukanlah bersegera pada langkah kaki tetapi bersegera dengan niat dan hati (Al-Sobuni 2017, 3: 360).

k) Aspek *Taqdim wa Ta'khir*

Latifah pada ayat 59 Surah al-Ahzab, firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَرْوِّجَنَّكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ

Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman,

Ayat ini memberi isyarat yang halus iaitu dakwah tidak akan berkesan kecuali jika seorang pendakwah itu memulakan seruan dakwahnya itu dengan dirinya dan ahli keluarganya. Inilah rahsia mengapa arahan hijab itu dimulakan dengan isteri rasul dan kemudian anak perempuannya kemudian barulah kepada semua wanita beriman (Al-Sobuni 2017, 2: 497).

Majoriti ulama' berpendapat mukjizat terbesar al-Quran adalah dari sudut bahasanya. Hal ini kerana kemukjizatan yang dimaksudkan adalah untuk mencabar sesiapa sahaja yang ingin mendustakan al-Quran untuk mendatangkan semisalnya (Abbas 2007). Justeru, dapat dilihat al-Quran sempurna dari sudut kehalusan bahasanya, kedalaman makna perkataan, serta ketepatan *uslub* ketika membentangkan ayat-ayatnya (Al-Khalidi 1992).

Pada surah *Madaniyyah* ini, terdapat dua aspek yang diketengahkan iaitu pemilihan perkataan dan *taqdim wa ta'khir*. Namun, terdapat aspek lain seperti *nakirah wa ma'rifah* yang disebutkan juga sebagai *lataif* dalam surah *Makkiyyah*. Bagi *Syeikh al-Sobuni*, beliau mempunyai bahagian khusus perbincangan berkaitan bahasa al-Quran iaitu *balaghah* dalam pentafsiran al-Quran. Pun begitu, huraian-huraian penting yang lebih halus dan mendalam tetap dinyatakan secara *lataif*. Hal ini disebabkan kebanyakan aspek bahasa yang dikeluarkan sebagai *lataif* juga berkaitan secara tidak langsung dengan *tarbawiyah* dan pemantapan iman.

Selain daripada tema utama yang telah disebutkan, beberapa tema lain juga ditemui, yang merangkumi pentafsiran tambahan pada ayat dan ancaman meninggalkan syariat.

a) Tafsir tambahan

Al-Sobuni mengeluarkan *latifah* pada ayat 41 Surah al-Ra'd dengan mengatakan sebahagian ulama' mentafsirkan potongan ayat (تَنْفِصُهَا مِنْ أَطْرَافِهَا) dengan tafsiran kekurangan yang terdapat di bumi ini bermaksud berkurangnya para ulama', *faqih* dan orang-orang baik dan soleh. Ia seperti yang diriwayatkan oleh Mujahid dan Ibn Abbas (*Al-Sobuni* 2017, 2: 81).

b) Ancaman meninggalkan syariat

Daripada Ibn Abbas r.a berkata: "Sesiapa yang mempunyai harta yang mencukupi untuk dia menunaikan haji, atau untuk berzakat namun dia tidak menunaikannya maka dia akan meminta untuk kembali ke dunia dalam keadaan menyesal ketika hampir kepada kematian." Seorang lelaki berkata: "Wahai Ibn Abbas! Bertakwalah kamu kepada Allah kerana orang yang meminta untuk dikembalikan adalah orang yang kafir." Maka jawab Ibn Abbas: "Aku akan bacakan kepada kalian ayat ini [al-Munafiqun:11] (*Al-Sobuni* 2017, 3: 366)."

Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan analisis yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa *al-Sobuni* menengahkan aspek *lataif* ini dengan cara pentafsiran kepada salah satu ayat al-Quran atau secara umum daripada kelompok ayat yang dibincangkan. Dari sudut pembawaan *lataif* itu, didatangkan dalam bentuk pentafsiran tambahan, riwayat hadith atau pengkisahan melalui hikayat dan sejarah serta syair. Selain itu, beliau juga turut menggunakan istilah lain yang memberi makna yang hampir sama dengan *lataif* iaitu *fawa'id* dan *tanbih*.

Dari sudut penyebutan *lataif*, *al-Sobuni* konsisten menyebutkan selepas daripada pentafsiran sesuatu kelompok ayat kerana ia merupakan manhaj penulisan yang beliau sebutkan dalam pendahuluan tafsirnya. Sebahagian *lataif* yang dikeluarkan pula disebutkan secara jelas sumber yang dirujuk dan sebahagian yang lain tidak disebutkan sumbernya merupakan hasil daripada buah tadabbur syeikh terhadap ayat tersebut.

Dari sudut tema, *al-Sobuni* membawa tiga tema, bermula dari yang terbanyak iaitu *tarbawiyah* diikuti pemantapan iman dan mukjizat bahasa apabila diteliti dalam surah-surah *Madaniyyah*. Selain itu, terdapat juga tema-tema lain seperti tambahan kepada penerangan tafsir dan ancaman jika meninggalkan syariat. Melalui pecahan tema ini, ia memberi satu gambaran penting, iaitu untuk memahami surah-surah yang membawa hukum-hakam syariat perlu juga diiringi dengan aspek pentarbiyahan jiwa dan pemupukan keimanan melalui ayat-ayatnya yang indah agar syariat tidak dirasakan beban tetapi tanggungjawab yang membuktikan kesyukuran.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa *al-Sobuni* mengemukakan *lataif* dalam surah *Madaniyyah* merujuk kepada pengertian yang halus dan pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu ayat al-Quran. Hasil analisis tinjauan, kajian ini mendapati pendekatan *lataif* melalui pecahan tema dalam kitab *Sofwah al-Tafasir* ini mempunyai kaitan dari sudut memperluaskan kefahaman berkaitan hukum-hukum dalam al-Quran yang dibawa oleh surah *Madaniyyah* yang tidak terhad kepada perlaksanaan syariat semata-mata bahkan juga merangkumi didikan keperibadian dan kerohanian. Pendekatan sebegini, dilihat membantu untuk lebih memahami dan menghayati *maqasid* utama al-Quran sebagai kitab hidayah yang bukan semata-mata mengandungi syariat.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas tajaan kajian penyelidikan ini melalui dana penyelidikan (GGPM-2019-017).

Rujukan

- Abbas, Fadl Hassan. 2007. *Muhadat fi Ulum al-Qur'an*. Amman: Dar al-Nafais.
- Ahli Hadith, Multaqa. t.th. *Muntada Tarajum Ahl Ilm Al-Mu'asirin*. <https://al-maktaba.org/book/31616/78431>.
- Ahmad Fakhurrhazi, Zabidi. 2017. Konsep Lataif Al-Quran oleh Imam Fakh al-Din al-Razi dalam *Mafatih al-Ghaib*. Tesis Kedoktoran, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Asfahani, Raghīb. 1991. *Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Audah, Salman. 2014. *Ma'a Allah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Dubai, Government. t.th. Dubai international holy quran award. http://www.quran.gov.ae/index.php?option=com_content&view=article&id=129&Itemid=575.
- Fuad Abdul Baqi, Muhammad. 2007. *Mu'jam Mufahras Li Alfaz Al-Quran Al-Karim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Faris, Ahmad. 1979. *Maqayis Al-Lughah*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram. t.th. *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Ziyat, Hamid Abd Kadir, Muhammad Najar. t.th. *Mu'jam Al-Wasit*. Kaherah: Dar al-Dakwah.
- Iyazi, Muhammad Ali. 1966. *Al-Mufasssirun, Hayatuhum wa Manhajuhum*. Tehran: Muassasah al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad. 1983. *Al-Ta'rifat*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Katibi, Adnan. 2021. Rabitah Ulama' Suriyyin. <https://islamsyria.com/ar/محمد-علي-الصابوني/التراجم>.
- Al-Khalidi, Solah Abdul Fatah. 1992. *Lata'if Qur'aniyyah*. Dimasq: Dar al-Kalam.
- Maisarah Thulhuda Mat Jafri, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Sabri Mohamad. 2018. Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz. *Jurnal al-Turath*. 3(2): 16-21.
- Nur Zakiah Najihah Bahar, Ahmad Fakhurrhazi Mohammed Zabidi & Muhd najib Abdul Kadir. 2019. Interaksi Sosial dalam Tafsir al-Azhar: Tinjauan Awal Terhadap Surah Madaniyah. *Jurnal al-Turath*. 4(2): 68-74.
- Mukhtar, Ahmad. 2008. *Mu'jam Al-Lughawiyah Al-Mua'sarah*. al-Qahirah: 'Alim al-Kitab.
- Al-Qardawi, Yusuf. 2000. *Kayfa Nata'mal ma'a al-Qur'an*. Beirut: Dār āl-Syūrūq.
- Al-Qattan, Manna' Khalil. 2000. *Mabahith fi Ulum Al-Quran*. al-Qahirah: Maktabah al-Maa'rif li Nashr wa Tauzi'.
- Al-Razi, Zainuddin. 1999. *Mukhtar Al-Sihah*. Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Sobuni, Muhammad Ali. 2008. *al-Tibyan fi Ulum al-Qur'an*. Dimasyq: Dar al-Ihsan.
- Al-Sobuni, Muhammad Ali. 2017. *Sofwah Al-Tafasir*. Dimasyq: Dar al-Sobuni.
- Al-Suyuthi, Jalal ad-Din. 2008. *Al-Itqan Fi 'Ulum Al-Qur'an*. Damascus: Resalah Publishers.
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2021. The world most influence muslim. <https://themuslim500.com/profiles/sheikh-mohammad-ali-al-sabouni/>.
- Al-Zabidi, Murtada. t.th. *Taj Al-Urus*. Beirut: Dar al-Hidayah.
- Al-Zarkasyi, Badruddin. 1957. *Al-Burhan Fi Ulum Al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.